

19/10/2002

Manila sedia hantar pulang mangsa rogol

MANILA, Jumaat - Kerajaan Filipina sedia menghantar pulang gadis bawah umur yang didakwa dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah, jika Kuala Lumpur membuktikan beliau benar-benar warga Malaysia.

"Kami sedia menghantar gadis ini pulang ke Malaysia jika ada bukti hitam putih beliau adalah rakyat Malaysia," kata Setiausaha Keadilan, Hernando Perez, kepada pemberita di sini, hari ini.

Sementara itu Ketua Pendakwa Raya Negeri, Jovencito Zuno, berkata: "Belum ada lagi bukti kukuh mengenai kewarganegaraan gadis itu. Terpulang kepada polis Malaysia membuktikan beliau adalah rakyat Malaysia."

Gadis itu masih berada dalam jagaan Jabatan Kebajikan di sini. Kedutaan Malaysia berkata gadis itu adalah gadis jalanan yang diabaikan oleh ibu bapa yang sudah bercerai.

Sementara itu, Malaysia memberi jaminan akan mendakwa mereka yang terbabit dalam kes rogol seorang gadis bawah umur itu.

Kedutaan Malaysia dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, berkata Malaysia akan menyiasat dan mendakwa sesiapa saja yang terbabit dalam kes rogol itu.

"Kontroversi mengenai status warga negara gadis itu tidak menjejaskan siasatan dan proses perundangan berhubung dakwaan rogol terhadap penjenayah yang terbabit," katanya.

Gadis itu mendakwa beliau dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah sebelum dihantar ke Filipina kerana didakwa sebagai pendatang tanpa izin.

Polis Malaysia dihantar ke Filipina untuk menyiasat dakwaan itu dan mendapati gadis terbabit adalah rakyat Malaysia dan ibu bapa tinggal di Sabah.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, meminta supaya Manila meminta maaf kerana terlalu gopoh dan mendakwa gadis itu rakyatnya, bagaimanapun ia ditolak oleh Kementerian Luar Filipina.

Kedutaan Malaysia berharap kontroversi itu tidak akan menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara jiran itu dan menghargai perlindungan yang diberikan kerajaan Filipina bagi gadis berkenaan.